

## **KERAJAAN NEGERI KELANTAN**

### **PEKELILING PENGARAH TANAH DAN GALIAN, KELANTAN BILANGAN 1 TAHUN 1991**

#### **MELANJUTKAN TEMPOH KEMUDAHAN PINDAHMILIK DAN GADAIAN TANAH DAN RUMAH DI BAWAH PROGRAM KHAS PERUMAHAN KOS RENDAH**

---

---

Pekeling ini dikeluarkan untuk memberitahu semua Pentadbir Tanah Jajahan bahawa pada 19hb. Februari, 1991 Majlis Mesyuarat Kerajaan semasa menimbang Kertas Bil. 4/180/91(22) telah bersetuju untuk melanjutkan tempoh memberi kebenaran am di bawah Seksyen 13A Enakmen Rizab Melayu 1930 dan Seksyen 104 Enakmen Tanah 1938 untuk membolehkan tuan tanah Bukan Melayu membuat pindahmilik pertama rumah-rumah di bawah Program Khas Kos Rendah kepada Pembeli-Pembeli Bukan Melayu (Anak Kelantan dan Bukan Anak Kelantan) dan seterusnya memboleh pembeli pertama membuat cagaran kepada Institusi Kewangan yang tidak disenaraikan di dalam Jadual D Enakmen Rizab Melayu 1930 dan Jadual 26A Enakmen Tanah Kelantan 1938.

2. Majlis Mesyuarat Kelantan juga membuat keputusan bersetuju memberi kebenaran am kepada Orang-Orang Melayu untuk pindahmilik tanah di bawah Program Khas Perumahan Kos Rendah kepada Orang Melayu Bukan Anak Kelantan dan seterusnya membolehkan pembeli pertama membuat cagaran kepada Institusi Kewangan yang tidak disenaraikan di dalam Jadual D Enakmen Rizab Melayu 1930 dan Jadual 26A Enakmen Tanah 1938.

3. Kebenaran am ini diberi sehingga 31hb. Disember 1991.
4. Pekeliling ini hendaklah dibaca bersama Arahan P.T.G.KN.Bil. 2/1989.

t.t

**(Tengku Elias Bin Tengku Mahmood)**

PENGARAH TANAH DAN GALIAN,  
KELANTAN.

**PEJABAT PENGARAH TANAH DAN GALIAN,  
KELANTAN,  
BLOK 3, KOTA DARULNAIM,  
15576 KOTA BHARU**

**BERTARIKH : 9HB. MAC 1991**

**KEPADА:**

Semua Pentadbir Tanah Jajahan Kelantan.

**SALINAN KEPADA:**

1. YAB. Tuan Guru Menteri Besar, Kelantan.
2. YB. Timbalan Menteri Besar, Kelantan.  
(Tuan Haji Abdul Halimbin Abdul Rahman)
3. YB. Timbalan Menteri Besar, Kelantan.  
(Tuan Haji Mohd. Rozali bin Isolehak)
4. YB. Dato' Setiausaha Kerajaan, Kelantan.
5. YB. Tuan Penasihat Undang-Undang Kelantan.
6. YB. Tuan Pegawai Kewangan Negeri Kelantan.
7. YABrs. Ketua Audit Negeri Kelantan.
8. YABrs. Semua Ketua Jajahan, Kelantan.
9. YABrs. Pengarah Penyelesaian Tanah Negeri Kelantan.
10. YBrs. Setiausaha Majlis Mesyuarat Kerajaan Kelantan.

**FAIL: P.T.G.KN. SULIT 23/3/1/ Jld. 2 (54)**